

14 FEBRUARI 2018

Sofi pula didakwa ambil dadah

8 NEGARA

KOSMO! RABU 14 FEBRUARI 2018

Selepas Farid Kamil, pelakon kontroversi filem *KL Gangster* berdepan tuduhan ketagih ganja

Sofi pula didakwa ambil dadah

PETALING JAYA – Pelakon filem *KL Gangster*, Sofi Jikan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan penyalahgunaan ganja pada minggu lalu.

Sofi Jikan atau nama sebenarnya, Mohamad Shoffi Jikan, 48, yang tiba di mahkamah pada pukul 9.15 pagi membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Nurulhuda Zakariya.

Sofi Jikan tiba di mahkamah dengan mengenakan sut biru iaitu sama seperti yang dipakai Datuk Farid Kamil Zahari yang juga didakwa atas pertuduhan sama.

Mengikut pertuduhan, Sofi Jikan didakwa menggunakan ganja mengandungi bahan kimia berbahaya hydrocannabinol (THC) di Pejabat Petaling Jaya pada pukul 11.15 malam, 6 Februari lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya



SOFI JIKAN



KERATAN Kosmo! 8 Februari 2018.

1952 yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya, Natasha Chin Le Jy yang mewakili pendakwaan mencadangkan Sofi Jikan diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin namun peguam Datuk Haniff Hassan yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan dengan alasan tertuduh mempunyai tanggungan keluarga.

Mahkamah menetapkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin dan 14 Mac depan untuk sebutan kes. Sofi Jikan membayar jaminan tersebut.

Sementara itu, Sofi Jikan yang ditemui selepas selesai prosiding enggan memberi komen lanjut berhubung penahanannya.

Ditanya sama ada pelakon dan pengarah filem, Farid Kamil ada menghubunginya selepas kejadian itu, dia enggan memberi sebarang jawapan.

"Tiada komen. Saya tiada isu dengan sesiapa dan jika boleh

saya mahu menjaga keselamatan semua rakyat Malaysia. Saya masih belum disabitkan bersalah dan diharap pihak media lapor yang baik-baik sahaja," katanya.

Sofi Jikan juga memberitahu, dia akan meneruskan perjalanan karier seninya seperti biasa.

"Saya akan menghabiskan penggambaran filem *Polis Evo 2* di Port Dickson, Negeri Sembilan dan ada lagi satu filem yang bakal menjalani penggambaran sekitar Mac depan di Sabah.

"Itu pun jika saya tidak dibuang daripada produksi berkenaan," jelasnya.

Pada 8 Februari lalu, *Kosmo!* melaporkan Sofi Jikan direman tiga hari bagi membantu siasatan selepas didapati positif dadah jenis ganja.

Penahanan Sofi Jikan susulan laporan polis dibuat Farid Kamil yang mendakwa tiga rakan artisnya telah mencampurkan minumannya dengan dadah sehingga menyebabkan dia bertindak ga-

nas dengan menampar anggota polis dan menendang dua orang awam.

Hero filem *Legenda Budak Setan* itu juga didakwa pada 26 Januari lalu atas pertuduhan penyalahgunaan dadah jenis sama dengan Sofi Jikan iaitu ganja.

Sementara itu, di Shah Alam, Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor memberi kata dua kepada bekas penyanyi kumpulan R&B, Ahmad Tajuddin atau Taj supaya tampil serah diri atau ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes penyalahgunaan dadah seperti didakwa Farid Kamil.

Selain Sofi Jikan, seorang lagi rakan artis yang disebut dalam laporan Farid Kamil ialah Ahmad Fairuz Ahmad Rosli, 47, atau Osh.

Osh yang merupakan seorang pengarah drama sudah tampil memberi keterangan di Balai Polis Sentral Johor pada 12 Februari lalu. Lelaki itu tidak ditahan dan polis hanya mengambil keterangannya.